

ADAT ISTIADAT KERJIAN UNDANG LUAK
REMBAU KE - 21

NORHASLINDA BINTI HJ. NORDIN

JABATAN BAHASA MELAYU
FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR

2000

**ADAT ISTIADAT KERJAN UNDANG LUAK
REMBAU KE – 21**

NORHASLINDA BINTI HJ. NORDIN

**JABATAN BAHASA MELAYU
FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
2000**

ADAT ISTIADAT KERJAN UNDANG LUAK REMBAU KE-21

OLEH:

NORHASLINDA BINTI HJ. NORDIN

(63072)

**Kertas ilmiah ini disediakan untuk kursus BBM 3489 : Projek
Penyelidikan Bahasa Melayu sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat untuk mendapatkan Ijazah Bachelo Sastera (Bahasa dan
Linguistik Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti
Putra Malaysia, Serdang Selangor.**

PENGESAHAN

Kertas ilmiah ini telah diterima dan diluluskan sebagai memenuhi syarat khusus BBM 3489 : Projek Penyelidikan Bahasa Melayu bagi memperolehi Ijazah Bachelo Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu)

GREED : _____

(Pn. Jama'yah Bt. Zakaria)

Penyelia

Tarikh : _____

DEDIKASI

*Seuntai Kasih, Seikfilas Bicara
Ditujukan khas untuk insan-insan yang kusayangi...*

Ayahanda dan Bonda
(Hj. Nordin b. Nukin & Hj. Zamnah binti Arof)

Terima kasih atas segala pengorbananmu
Yang tidak pernah kenal erti jemu
Juga limpahan kasih sayangmu
Sentiasa mengiringi perjuanganku
Terimalah kejayaan anakandamu ini
Sebagai tanda kasih sayangku yang abadi

Buat Allahyarham Along & Uwan
Semoga rohnya dirahmati Allah S.W.T

Buat kekanda yang diingati
(Bang Man, Bang Ngah, Kak Lang, Bang Chik & isteri)

Bantuan dan dorongan kalian
Akan tetap dalam kenangan

Buat adinda yang dikasihi
(Aisya, Man, Firdaus, adik)

Semoga kalian menjejaki langkah ini
Mencari sinar kecemerlangan

Juga buat anak saudaraku
(Mohamad Khaliq Hakimi)

Semoga menjadi kebanggaan ibu dan ayahmu

Buat insan teristimewa
(Mohammad b. Husin)

Yang telah banyak mengajarku erti kesabaran
Terima kasih atas dorongan dan semangat
Untukku terus berjuang
Semoga Allah memberkatimu.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan sentiasa memanjatkan segala puji hanya bagi Allah, Tuhan Semesta Alam serta selawat dan salam buat junjungan besar, Nabi Muhamad S.A.W, akhirnya saya dapat menyiapkan latihan ilmiah yang bertajuk 'Adat Istiadat Kerjan Undang Luak Rembau Ke-21'.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pn. Jama'yah Zakaria selaku penyelia bagi tugasan ini di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan dalam membantu saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala pertolongan yang diberikan, Insya Allah akan saya jadikan panduan dalam melayari kehidupan demi menuju kecemerlangan yang hakiki.

Terima kasih yang tidak terhingga buat Cikgu Norzali Hj. Ibrahim dan Dato' Perba Yahaya Abd Ghani, di atas kesudian beliau yang telah banyak meluangkan masa dan menghulurkan bantuan sepanjang saya melaksanakan kajian ini. Tidak lupa juga buat En. Mohd Nor, En. Mohd Zain di atas bantuan yang diberikan. Jasa baik beliau akan saya abadikan dalam ingatan.

Buat teman-teman seperjuangan yang dikasihi (Ana Jo, Cheq Mie, Cheq Win, Ana Du, Hajah, Ja, Rem, Deq Wan, Roey, G-ra, Ayu dan semua sahabat QKP tersayang) atas segala nasihat, pandangan dan dorongan yang diberikan. Kenangan bersamamu tetap abadi dalam memori ingatanku buat selamanya.

Penghargaan ini juga turut ditujukan buat semua pihak yang terlibat dalam membantu saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Terima kasih atas segalanya. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Sekian, Terima Kasih.

Norhaslinda Binti Hj. Nordin
Kampung Kundur Hulu, Batu 5 ½
Jalan Tok Nara
71400 Pedas
Negeri Sembilan
Darul Khusus.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	viii

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	9
1.2	Kepentingan Kajian	11
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Batasan Kajian	13
1.5	Definisi Operasional	14

BAB 2

SOROTAN KAJIAN	17
----------------	----

BAB 3

TATACARA DAN KAEDAH PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	21
3.1	Rekabentuk Penyelidikan	
3.2	Tatacara Penyelidikan	22
	3.2.1 Memilih Kawasan atau Tempat Kajian	
	3.2.2 Maklumat Tentang Informan	23
3.3	Alat Pengumpulan Maklumat	25
3.4	Pengumpulan Maklumat	

BAB 4

ADAT ISTIADAT KERJAN UNDANG

4.0	Sejarah Rembau	27
4.1	Institusi Penghulu / Undang	28
4.2	Sistem Politik dan Pentadbiran Adat Perpatih	31
4.3	Sistem Perlantikan Undang	38
	4.3.1 Mendirikan Adat	39
	4.3.2 Mencari Benih	41
	4.3.3 Pengisytiharan Perlantikan	43
4.4	Adat Kerjan Undang	44
	4.4.1 Telapak Ibu	45
	4.4.2 Istiadat Kerjan	46
	4.4.3 Merafaq Sembah Kasih	47
	4.4.4 Menziarahi Danau Sisik Emas	48
	4.4.5 Istiadat Menyalang	
4.5	Alat-alat Kebesaran	52
4.6	Riwayat hidup Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj. Othman serta Aktiviti Sosial dan Politik	53

BAB 5

KESIMPULAN	57
------------	----

BIBLIOGRAFI	61
-------------	----

LAMPIRAN	
----------	--

ABSTRAK

Tajuk:

Adat Istiadat Kerjan Undang Luak Rembau Ke-21

Oleh:

Norhaslinda Binti Hj. Nordin

(63072)

Tahun:

2000

Kajian ini merupakan satu tinjauan ke atas adat istiadat kerjan Undang Luak Rembau ke-21. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenali dan mengetahui tentang sejarah institusi Penghulu/ Undang dan bagaimana pelaksanaan adat istiadat pengkerjanan dijalankan sekaligus mengenal pasti alat-alat kebesaran Undang. Bahan-bahan dan maklumat yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada hasil rujukan pengkaji di perpustakaan, pejabat Balai Undang, temuramah dan sebagainya. Setiap Undang yang akan dilantik hendaklah dikerjankan terlebih dahulu mengikut adat istiadat pengkerjanan yang telah dilaksanakan sejak perantikan Undang Luak Rembau yang pertama iaitu Si Rama sehingga yang terkini iaitu Undang Luak Rembau yang ke-21, Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj. Othman. Kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa setiap Undang yang dilantik sebagai pemimpin masyarakat khususnya daerah Rembau perlu dikerjankan sebagai tanda pengiktirafan kepada beliau sebagai Undang Luak Rembau yang sah dan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat.

BAB 4

ADAT ISTIADAT KERJAN UNDANG

4.0 Sejarah Rembau

Daerah Rembau dikenali sebagai daerah / Luak beradat. Mula diteroka oleh orang Asli suku kaum Jakun yang diketuai oleh Batin Tok Pak Tinggam. Pada tahun 1338 orang dari Minangkabau telah datang menempat di Rembau dan mereka diketuai oleh seorang pembesar Minangkabau bernama Datuk Leteh. Ketika itu Rembau dikenali sebagai Perabu. Semasa Batin Pak Nilu membuka hutan untuk membuat penempatan, beliau telah menjumpai sebatang pokok merbau yang luar biasa besar dan tingginya. Pada ketika itu juga, Batin Chepa telah datang dan menempat di Kampung Gombira (sekarang Kota), dan beliau telah menebang pokok merbau tersebut. Oleh kerana terlalu besarnya, di atas tunggul merbau tersebut boleh dihidang dengan dua belas hidangan nasi. Memandangkan keluarbiasaan pokok tersebut akhir nama Perabu telah disebut Merbau Tua dan lama kelamaan bertukar menjadi Rembau. Kawasan asal Rembau atau Merbau Tua ini terletak berhampiran dengan kaki Gunung Rembau atau Gunung Datuk.

4.1 Institusi Penghulu / Undang

Orang-orang Minangkabau dipercayai telah mula berhijrah ke Rembau dalam awal abad ke – 11 lagi. Datuk Leteh merupakan pembesar Minangkabau yang pertama sampai dan menempati di Rembau. Kehadiran Datuk Leteh telah diterima oleh penduduk tempatan Rembau ketika itu yang diketuai oleh Batin Sekudai. Di atas kepercayaan yang begitu tinggi Batin Sekudai telah menyerahkan anaknya Datuk Bungkal untuk dijadikan anak angkat kepada Datuk Leteh. Datuk Bungkal telah dipelihara dan dianggap sebagai anak sendiri oleh Datuk Leteh.

Apabila Datuk Lela Balang sampai di Rembau, Datuk Leteh telah mengahwinkan Datuk Bungkal dengan Datuk Lela Balang dalam persekitaran tahun 1516. Hasil perkahwinan tersebut mereka telah memperolehi lima orang anak, empat perempuan iaitu Datuk Pundong, Datuk Makraman, Datuk Siti serta Datuk Lijah dan seorang anak lelaki bernama Si Rama.

Kedatangan Datuk Lela Balang dipercayai bersama Datuk Laut Dalam yang ketika itu telah beristerikan seorang perempuan keturunan Jawa. Hasil perkahwinan tersebut mereka telah memperolehi empat orang anak perempuan yang diberi nama Siti Hawa, Syamsiah, Norimah dan Malidi. Di atas persetujuan kedua belah pihak dan restu Raja Johor iaitu Sultan Alaudin Riayat Syah telah dikahwinkan Si Rama dengan Siti Hawa anak sulung Datuk Laut Dalam.

Memandangkan penduduk Rembau telah mula ramai menjelang akhir tahun 1530-an, bagi menentukan keamanan dan pentadbiran kerajaan, seorang penghulu diperlukan dalam mentadbir sistem pemerintahan Rembau. Berdasarkan kemuafakatan antara mereka Si Rama telah dipilih sebagai penghulu Rembau kerana Si Rama merupakan cucu kepada Batin Sekudai.

Sebagai sebuah daerah yang secara tidak rasmi bernaung di bawah kerajaan Johor, Datuk Leteh telah meminta Datuk Lela Balang dan Datuk Laut Dalam mempersembahkan keperluan penduduk Rembau tersebut. Sewaktu di Johor hanya Datuk Lela Balang yang pergi mengadap Raja Johor ketika itu, Sultan Alaudin Riayat Syah, sedangkan Datuk Laut Dalam tinggal di perahu.

Setelah mendapat berita perlantikan Si Rama sebagai Penghulu / Undang Rembau dengan gelaran Datuk Lela Maharaja, Datuk Laut Dalam tidak puas hati lalu mengadap Raja Johor. Dengan kebijaksanaannya Raja Johor telah menikahkan Si Rama atau Datuk Lela Maharaja Si Rama dengan anak perempuan Datuk Laut Dalam. Anak lelaki yang lahir hasil daripada perkahwinan tersebut akan mengiliri menjawat jawatan Penghulu / Undang selepas Datuk Lela Maharaja. Sultan turut mengurniakan gelaran Datuk Sedia Raja kepada keturunan Datuk Laut Dalam.

Setelah selesainya pekerjaan di Johor mereka telah balik ke Rembau dan peristiwa mengadap tersebut bertalian dengan perbilangan:

*Bertuan ke Minangkabau,
Bertali ke Siak,
Beraja ke Johor.*

(Norhalim Ibrahim, 1995:77)

Setelah itu diadakan suatu kerapatan dan kemufakatan dengan Datuk Leteh untuk mengisytiharkan perlantikan Penghulu / Undang dan seterusnya membuat penyusunan semula kepimpinan masyarakat Rembau. Kemudiannya diisytiharkan mengenai keputusan Sultan supaya pusaka tersebut digilirkan di antara dua carak iaitu Carak Waris Biduanda Jakun, keturunan Datuk Bungkal anak watan Rembau dan Carak Waris Biduanda Jawa, keturunan isteri Datuk Laut Dalam atas kurnia sultan.

Pada tahun 1540 juga telah dipersetujui akan pembentukan suatu badan pentadbir yang terdiri daripada empat orang ketua suku atau Datuk Lembaga (Lembaga Tiang Balai) sebagai penasihat. Kini, Rembau telah mempunyai sistem pentadbirannya tersendiri yang diperlengkapkan dengan perlembagaan yang dikenali sebagai undang-undang adat yang dikategorikan kepada beberapa aspek:

- i) *Undang-undang adat yang bersabit dengan Perlembagaan Negeri.*
- ii) *Undang-undang jenayah.*
- iii) *Undang-undang keterangan.*
- iv) *Undang-undang keluarga.*
- v) *Undang-undang harta.*

(Norhalim Ibrahim, 1995:82)

Undang-undang perlembagaan inilah yang digunakan oleh masyarakat daerah Rembau untuk mengatur perjalanan politik, ekonomi dan sosialnya. Sekitar tahun 1540 Rembau telah muncul sebagai salah sebuah kerajaan dan mempunyai seorang ketua pentadbir.

4.2 Sistem Politik dan Pentadbiran Adat Perpatih

Corak pemerintahan dan pentadbiran dalam masyarakat Adat Perpatih adalah bersifat demokrasi. Rakyat mempunyai peranan dalam pemerintahan negeri, bermula dari peringkat paling rendah, iaitu pentadbiran sesebuah keluarga hingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu suku, luak dan negeri. Proses pemerintahan secara demokrasi ini diperlengkapkan lagi dengan konsep muafakat dalam segala urusan pemerintahan.

Setiap perkara yang hendak dibuat, dirundingkan dan dimuafatkan terlebih dahulu agar segala keputusan tidak menimbulkan sebarang keraguan dan kekeliruan. Kebulatan katalah yang memberi kata akhir. (Abdullah Siddik, 1975: 110)

Pemerintahan berlandaskan muafakat dan musyawarah ini menjelaskan lagi bahawa Adat Perpatih menganuti sistem demokrasi yang akan memberi keadilan

kepada semua pihak dalam masyarakat Adat Perpatih kerana perkara yang dibuat adalah mengikut kebulatan bukannya individu tertentu.


Pemimpin yang dipilih oleh masyarakat Adat Perpatih mestilah seorang yang berwibawa, dapat menjalankan tugas dengan jujur dan amanah serta berwawasan untuk memajukan anak buah atau rakyat di bawah tadbirannya. Namun, jawatan sebagai pemimpin bukan mutlak. Jawatan itu boleh dilucutkan jika berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Perbilangan adat menyatakan:

*Kebulatan anak buah membuat atau memecat buapak,
Buapak bulat warisnya rapat, membuat atau memecat tua,
Kebulatan tua, membuat atau memecat undang,
Undang bulat, lembaga rapat, waris sedia, membuat atau
memecat raja,
Dianjak layu, dicabut mati,
Kata adat dengan pusaka.*


(Mohamed Din Ali, 1957:63)

Unsur mufakat digunakan untuk melantik atau memecat pemimpin. Pemimpin yang telah dilantik perlu menjalankan tugas dengan jujur dan amanah, jika tidak ia akan dipecat oleh anak buah. Seseorang pemimpin perlu mempunyai sifat-sifat seorang pemimpin yang baik dan berusaha memajukan masyarakatnya.

Unit terkecil dalam sistem pentadbiran Adat Perpatih ialah keluarga, kemudian diikuti oleh perut, suku, luak dan negeri. Hal ini dapat dilihat seperti rajah berikut



Rajah 1: Hierarki Pimpinan Adat Perpatih di setiap unit masyarakat



Rajah 2 : Cara perlantikan pemimpin-pemimpin Adat Perpatih di Negeri Sembilan

Yang DiPertuan Besar (Yamtuan)

Jawatan Yamtuan bermula pada tahun 1773. Yamtuan yang pertama ialah Raja Melewar dan telah ditabalkan di Penajis, Rembau. Pada awalnya jawatan Yamtuan tidak berdasarkan proses turun-temurun. Apabila seseorang Yamtuan mangkat, gantinya akan datang dari tanah Minangkabau di Sumatera. Jawatan Yamtuan ini menjadi warisan turun-temurun bermula dari keturunan Tengku Antah selepas termetrinya perjanjian di Seri Menanti pada 4 Jun 1887. (Abdullah Siddik, 1975: 126)

Raja tiada berkuasa terhadap masyarakat adat Negeri Sembilan. Baginda berada di luar Adat Perpatih. Keadaan ini membolehkan baginda memainkan peranan 'keadilan' dengan lebih saksama. Susur galur keturunan di Raja mengikut nisab bapa dan perwarisan harta mengikut hukum Islam. (Nordin Selat, 1975:59)

Undang

Istilah Undang khusus bagi ketua-ketua luak Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau. Setiap Undang di keempat-empat luak mempunyai gelarannya yang tertentu. Undang Sungai Ujong bergelar Dato' Kelana Putra, Undang Jelevu bergelar Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman, Undang Johol bergelar Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan manakala Undang Rembau dari suku Biduanda Waris Jakun bergelar Dato' Lela Maharaja dan Undang dari suku

Biduanda Waris Jawa bergelar Dato' Sedia Raja. Kedua-dua perut dari Biduanda Waris Jakun dan Biduanda Waris Jawa boleh menyandang pusaka Undang Luak Rembau.

Pemilihan dan perlantikan seseorang Undang adalah dilakukan oleh Dato' Lembaga. Jumlah dan siapa Dato' Lembaga yang berhak memilih dan melantik Undang berbeza dari satu luak ke luak yang lain dan Dato'-dato' Lembaga ini merupakan anggota kabinet bagi seseorang Undang.

Undang berfungsi mengendalikan hal ehwal luaknya dengan bantuan jemaah-jemaah ketua adat. Tugas Undang sebenarnya adalah berat. Menurut perbilangannya Undang itu:

*Ibarat kayu di tengah padang,
Tempat berteduh di hari hujan,
Tempat bernaung di kala panas,
Uratnya tempat bersila,
Batangnya boleh tempat bersandar.*

Ketika menjalankan peranannya Undang dibantu oleh Lembaga Tiang Balai Yang Lapan, Lembaga Tiang Balai Yang Dua Belas dan Orang Besar Undang. Orang Besar Undang berfungsi sebagai tongkat sokong kepada Lembaga (Nordin Selat, 1976:75) dan jawatan ini tidak dipilih akan tetapi dilantik oleh Undang dan Undang berhak memecatnya jika didapati bersalah. Ia menjadi wakil Undang dalam sesuatu suku. Orang Besar Undang tersebut ialah Dato' Syahbandar, Dato' Raja di Raja, Dato' Mangkubumi, Dato' Samsura Pahlawan.

Lembaga

Lembaga ialah ketua suku. Lembaga dipilih oleh buapak iaitu ketua bagi perut-perut dalam sesebuah suku. Lembaga berhak mengesahkan perlantikan buapak dan lembaga juga boleh melantik Undang seperti kata perbilangan '*bulat lembaga menjadikan undang*'. Walaupun begitu, dalam beberapa hal adat lembaga mesti merujuk kepada Undang kerana kuasa lembaga tidak seluas kuasa undang. Ini dapat dijelaskan oleh perbilangan;

*Pesaka undang berkelentasan,
Pesaka lembaga bersekat.*

(Mohamed Din Ali, 1957:57)

Lembaga Tiang Balai Yang Lapan merupakan jemaah adat di Rembau yang terdiri daripada lapan orang Dato' Lembaga. Jemaah inilah yang bertanggungjawab melantik Undang. Lembaga Tiang Balai Yang Lapan ini dipecahkan kepada empat tiang balai sebelah baruh dan empat lagi sebelah darat. Pada asalnya Lembaga Tiang Balai hanya terdiri daripada empat lembaga di baruh. Walau bagaimanapun dalam tahun 1831 dilakukan perubahan dengan penambahan empat lembaga lagi di darat. (M.B. Hooker, 1972:169). Namun, hanya lembaga di baruh sahaja yang terlibat dalam pemilihan undang. Senarai lembaga ialah seperti berikut:

**Baruh
Gelaran**

Suku

- | | | |
|------|-------------------------------|--------------------|
| i) | <i>Dato' Merbangsa</i> | <i>Paya Kumbuh</i> |
| ii) | <i>Dato' Gempa Maharaja</i> | <i>Batu Hampar</i> |
| iii) | <i>Dato' Bangsa Balang</i> | <i>Tiga Nenek</i> |
| iv) | <i>Dato' Samsura Pahlawan</i> | <i>Mungkal</i> |

**Darat
Gelaran**

Suku

- | | | |
|------|-----------------------------|--------------------------|
| i) | <i>Dato' Seri Maharaja</i> | <i>Paya Kumbuh</i> |
| ii) | <i>Dato' Sinda Maharaja</i> | <i>Seri Lemak</i> |
| iii) | <i>Dato' Andika</i> | <i>Batu Belang</i> |
| iv) | <i>Dato' Mendelika</i> | <i>Seri Semelenggang</i> |

Di samping itu terdapat Dato' Lembaga Yang Dua Belas yang merupakan pelengkap kepada sistem jemaah adat bagi pentadbiran daerah Rembau. Walaupun begitu Lembaga Yang Dua Belas ini tidak mempunyai hak untuk bersuara dalam pemilihan Undang. Sekiranya terdapat di kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan keputusan tersebut kedudukan pemilihan tidak akan terjejas.

Gelaran

Suku

- | | | |
|-------|------------------------------|------------------------------|
| i) | <i>Dato' Perba</i> | <i>Biduanda (Jakun/Jawa)</i> |
| ii) | <i>Dato' Puteh</i> | <i>Batu Hampar (Petani)</i> |
| iii) | <i>Dato' Ganti Maharaja</i> | <i>Anak Melaka</i> |
| iv) | <i>Dato' Raja Senara</i> | <i>Tanah Datar</i> |
| v) | <i>Dato' Lela Wangsa</i> | <i>Anak Acheh</i> |
| vi) | <i>Dato' Setia Maharaja</i> | <i>Biduanda</i> |
| vii) | <i>Dato' Sutan Bendahara</i> | <i>Batu Hampar</i> |
| viii) | <i>Dato' Ngiang</i> | <i>Mungkal</i> |
| ix) | <i>Dato' Maharaja Inda</i> | <i>Tanah Datar</i> |
| x) | <i>Dato' Dagang</i> | <i>Seri Semelenggang</i> |
| xi) | <i>Dato' Panglima Dagang</i> | <i>Tiga Nenek</i> |
| xii) | <i>Dato' Mengkuto</i> | <i>Seri Semelenggang</i> |

Buapak

Setiap perut mempunyai seorang buapak yang berperanan sebagai ketua perut. Pemilihan buapak dibuat oleh anggota perut atau anak buah. Pemilihan perlu disahkan oleh Lembaga. Perselisihan faham atau masalah yang berlaku dalam perut perlu dibawa kepada buapak untuk diselesaikan.

Anak buah boleh memecat buapak jika mereka cuai menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa dan berkelakuan yang memalukan perutnya. Kuasa buapak terhadap adat hanyalah setakat di dalam perutnya sahaja. Buapak juga berperanan dalam mengadakan kemuafakatan bagi menentukan giliran perut dan kampung yang layak dan sepatutnya menerima pusaka Undang.

4.3 Sistem Perlantikan Undang

Sudah menjadi kelaziman bagi masyarakat Melayu dalam Adat Perpatih sejak dahulu lagi mengadakan kerapatan atau bermesyuarat terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu pekerjaan yang penting. Lebih-lebih lagi jika pekerjaan yang hendak dilakukan itu melibatkan banyak pihak, seperti perlantikan seseorang Undang yang bakal memimpin luak atau daerah. Hal-hal seperti ini perlu dilaksanakan dengan berhati-hati supaya tidak berlaku perselisihan faham dalam perlantikan tersebut.

Oleh itu, apabila seseorang Dato' Undang meninggal dunia, buapak-buapak daripada lapan buah kampung di kalangan Biduanda Waris Jakun dan Biduanda Waris Jawa akan mengadakan kerapatan bagi menentukan giliran perut dan kampung yang sepatutnya menerima pusaka Undang. Majlis kebulatan mencari kata sepakat diketuai oleh Dato' Perba sebagai ketua adat Lembaga Waris Dua Carak. Ahli majlis tersebut terdiri daripada:

Buapak Carak Lela Maharaja

- i) *Semaraja dari Kampung Kota*
- ii) *Paduka dari Kampung Chengkau dan Chembong*
- iii) *Menti Maharaja dari Kampung Gadong*
- iv) *Juan dari Kampung Tebat*

Buapak Carak Sedia Raja

- i) *Menti dari Kampung Bukit*
- ii) *Orang Kaya Muda dari Kampung Pulau*
- iii) *Komo Raja dari Kampung Tanjong*
- iv) *Kaya Menteri dari Kampung Tengah*

Giliran bakal penyandang pusaka Undang, berasaskan kepada pusingan mengikut giliran kampung. Tujuannya dibuat demikian supaya setiap kampung berpeluang menyandang jawatan apabila tiba masanya.

4.3.1 Mendirikan Adat

Sebelum upacara pengkebumian disempurnakan, diadakan satu majlis mendirikan adat yang dihadiri oleh Orang Besar Undang, Dato'- dato' Lembaga

Tiang Balai lapan kampung, Dato' – dato' Lembaga yang lain serta buapak suku Batu Hampar Petani iaitu suku isteri allahyarham, Undang Luak Rembau ke-20.

Setiap penyandang pusaka Undang yang meninggal dunia, pusaka Undang yang disandang mestilah diturunkan dahulu sebelum dikebumikan. Sekiranya pusaka tidak diturunkan bermakna pusaka itu diistilahkan sebagai 'telah terbenam' atau dikebumikan bersama. Pusaka tersebut dianggap 'terputus' dan tidak boleh dicari pengganti. Jika keadaan demikian berlaku pusaka tersebut hendaklah ditimbulkan semula oleh ibu soko atau orang perempuan tertua kerana pusaka adat dimiliki oleh orang perempuan manakala orang lelaki hanya sebagai penyandang pusaka sahaja.

Sewaktu majlis mendirikan adat, semua yang menyandang pusaka adat telah bermuafakat sebulat suara bersetuju pusaka Undang diturunkan daripada allahyarham Dato' Hj. Adnan Hj. Ma'ah yang telah kembali ke rahmatullah pada 8 September 1998. Dato' Lembaga Batu Hampar Petani iaitu Dato' Putih Hj. Mohd Zain b. Nawi telah menyerahkan pusaka Undang kepada Dato' Perba Yahaya b. Abd. Ghani, Lembaga Waris Dua Carak untuk disimpan sehingga pengganti yang baru dapat dicari dan dimasyhurkan. Dato' Perba merupakan seorang yang dipertanggungjawabkan memegang amanah sahaja. Mengikut adat Rembau, tidak ada adat memangku pusaka Undang dalam ketiadaannya walaupun penyandangnyanya telah meninggal dunia seperti yang tercatat dalam perbilangan:

*Patah tumbuh hilang berganti,
Sehari hilang sehari dicari.*

(Mohamed Din Ali, 1957:60)

4.3.2 Mencari Benih

Bagi penentuan giliran kampung, satu kerapatan yang telah dihadiri oleh Buapak Lapan Kampung telah diadakan di surau Kampung Chenong, Chengkau, Rembau untuk mencari perut. Setelah mengadakan perbincangan dan melihat salasilah pengiliran pusaka, enam daripada lapan orang Buapak telah bersetuju bahawa perut penyandang pusaka Undang Luak Rembau digilirkan kepada Waris Lela Maharaja Kampung Tebat. Kemudiannya telah diadakan satu lagi kerapatan Dato' – dato' Lembaga dan Buapak bertempat di Balai Undang. Dalam kerapatan tersebut tujuh orang buapak bersetuju giliran menyandang pusaka Undang diberikan kepada Waris Tebat. Kata perbilangan ada menyatakan:

*Bulat air dek pembentong,
Bulat kata dek muafakat.*

(A. Caldecott, 1918:22)

Tugas mencari dan menyediakan benih ini terletak di bawah kuasa Dato' Perba Yahaya berdasarkan perbilangan:

*Bulat anak buah menjadikan buapak,
 Bulat buapak menjadikan lembaga,
 Bulat lembaga menjadikan Undang,
 Bulat Undang menjadikan raja.*

(Norhalim Ibrahim, 1994:100)

Setelah giliran kampung ditentukan, Dato' Perba memanggil lembaga dan buapak perut Kampung Tebat untuk mendapatkan senarai calon daripada anak-anak buah yang berkelayakan. Pemilihan ini akan ditapis oleh Dato' Perba bersama dengan Orang Besar Undang Yang Empat. Setiap calon akan ditemuduga untuk mengkaji latar belakang mereka. Soalan-soalan berkaitan dengan hukum adat, agama dan pengetahuan am selain dari melihat secara terperinci keadaan fizikal bakal calon. Ini kerana calon Dato' Undang tidak boleh cacat anggota dan terdapat syarat-syarat lain dalam menilai seseorang calon Undang:

- i) *Seseorang calon itu mestilah dari kaum lelaki.*
- ii) *Seseorang calon itu tidak cacat adat.*
- iii) *Beliau mestilah beragama Islam.*
- iv) *Beliau mestilah berakal.*
- v) *Beliau mestilah sudah baligh dengan erti kata sudah dewasa.*
- vi) *Beliau mestilah mempunyai kecerdasan otak yang lebih baik daripada orang yang dipimpinnya.*
- vii) *Beliau mestilah sihat.*
- viii) *Beliau mestilah dari keturunan yang baik-baik.*

(Abas Hj. Ali, 1957:89)

Hanya tiga orang calon sahaja dari calon-calon yang ditemuduga akan dihantar ke Lembaga Tiang Balai Yang Lapan untuk menentukan seorang calon yang

benar-benar layak menyandang pusaka Undang. Mereka terdiri dari Dato' Lembaga Tiang Balai Darat dan Baruh di mana Dato' Lembaga Tiang Balai sebelah baruh membuat pilihan manakala Dato' Lembaga Tiang Balai sebelah darat hanya berhak membuat pengesahan, kerana mengikut perbilangan:

*Yang sebelah baruh menjadikan,
Yang sebelah darat mengakui.*

(Norhalim Ibrahim, 1994:110)

Pemilihan akan berjalan lancar seandainya ada antara anggota dari Lembaga Tiang Balai Yang Dua Belas atau Orang Besar Undang tidak bersetuju. Setelah kebulatan suara tercapai, nama calon yang dipilih diserahkan kepada pemegang amanah Dato' Perba untuk pengisytiharan perlantikan.

4.3.3 Pengisytiharan Perlantikan

Pada 21 November 1998, bertempat di Balai Undang Luak Rembau, satu lagi kerapatan telah diadakan dan atas segala kemuafakatan ini, Dato' Perba Yahaya Abd. Ghani dengan rasminya telah mengisytiharkan Dato' Sedia Lela Utama Hj. Muhammad Sharip b. Hj. Othman, suku Biduanda Lela Maharaja, Waris Jawa Perut Kampung Tebat sebagai penyandang Pusaka Undang Luak Rembau ke-21. Namun gelaran Dato' Sedia Lela Utama ini telah dimansuhkan

pemakaian dan dikembalikan kepada gelaran asal pusaka berkenaan iaitu Dato' Syahbandar mulai 20 Februari 1999. Seruan Dato' Perba itu berbunyi:

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan kuasa yang ada pada saya, saya Dato' Perba Yahaya b. Abd Ghani, Lembaga suku Biduanda Waris Dua Carak melantik dan mengisytiharkan Yang Mulia Dato' Sedia Lela Utama Hj. Muhamad Sharip bin Hj. Othman dari suku Biduanda, Lela Maharaja Kampung Tebat menyandang pusaka Undang Luak Rembau yang ke-21 bergelar Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip bin Hj. Othman, Undang Luak Rembau ke-21 mulai dari tarikh ini 21 November 1998 hari sabtu bersamaan 1 Syaaban 1419.

Selepas pengisytiharan dibuat, tembakan meriam sebanyak sembilan das telah dilepaskan oleh pasukan Artileri Askar Melayu Di Raja. Upacara pengisytiharan ini turut disaksikan oleh Pegawai Daerah dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan. Kemudian Dato' Undang yang baru diisytiharkan duduk di tempat kebesarannya di Balai Undang. Dato' Lembaga Tiang Balai, Dato'-dato' Lembaga serta Buapak lapan kampung merafaq sembah kepada Dato' Undang Luak Rembau ke-21, didikuti oleh dif-dif kehormat negeri dan daerah.

4.4 Adat Kerjan Undang

Undang memainkan peranan penting sebagai lambang perpaduan dan melindungi keamanan serta keutuhan masyarakat pimpinannya. Oleh sebab itu dalam sistem perlantikan Undang penelitian yang rapi diperlukan agar seseorang calon Undang yang dipilih itu benar-benar layak sebagai pentadbir dalam ehwal

adat. Seseorang Undang yang baru dilantik dan telah diisytiharkan perlu dikerjankan untuk pemasyuran yang penuh dengan cara adat istiadat. Upacara pengkerjanaan ini telah dilakukan sejak pemerintahan Undang Luak Rembau pertama iaitu Si Rama sehingga yang terkini iaitu Undang Luak Rembau ke-21.

4.4.1 Telapak Ibu

Selepas majlis pengisytiharan perlantikan dibuat, Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip telah dibawa ke telapak ibunya di Kampung Tebat, Chembong untuk '*menambangkan*' tentang perlantikannya sebagai Undang kepada waris keluarga dan orang-orang yang hadir. Kemudiannya bapa saudara kepada isteri Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip diadatkan menjemput Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip untuk balik ke rumah isterinya di Kampung Sepri serta diiringi oleh Lembaga suku isteri dengan membawa tepak sirih. Adat menjemput ini menjadi satu kewajipan dan sangat penting kerana yang dijemput bukan lagi Hj. Muhamad Sharip tetapi Dato' Undang Luak Rembau ke-21.

Adat menjemput ini dilaksanakan kepada semua penyandang pusaka adat yang baru dilantik. Tujuan adat tersebut untuk '*menambangkan*' penyandang pusaka yang baru ke tempat ia menyemenda yang bermaksud meletakkan dengan adat

akan gelaran yang baru disandang agar diketahui oleh rakyat atau anak buah isteri khasnya dan rakyat luak amnya.

4.4.2 Istiadat Kerjan

Penetapan hari pengkerjanan yang sebenar dibuat berasaskan persetujuan bersama dan pada hari tersebut semua anggota Lembaga dan Buapak menghadirkan diri. Istiadat kerjan ini dilaksanakan dan disempurnakan di rumah penyandang yang dilantik iaitu di kediaman beliau di Kampung Sepri, Rembau.

Setelah segala persediaan dan persiapan dilakukan, Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip bersama Toh Puan Hj. Ramlah Bt. Haji Yunus telah dibawa ke Balai Adat yang didirikan khas bagi menyempurnakan istiadat kerjan dengan diiringi oleh juak hulubalang. Seterusnya Dato' Lembaga Tiang Balai Baruh iaitu Dato' Raja Senara Hj. Ismail b. Hj. Yasin telah menyempurnakan pemasyuran kerjan dengan menyerukan:

*Bismillahirrahmanirrahim,
Dengar...
Dengar...
Dengar...
Wahai rakyat luak Rembau,
Yang tua dan yang muda,
Yang besar dan yang kecil,
Yang miskin dan yang kaya,
Lelaki dan perempuan,
Yang berpangkat dan melarat sekalian,*

*Mengikut perbilangan:
 Adat dipakai baru
 Kain dipakai usang
 Bercupak sepanjang bertuang
 Beradat sepanjang jalan.*

*Pada hari ini diumumkan dengan rasminya takhta
 Undang Luak Rembau yang ke-21 dikerjankan kepada
 Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj.
 Othman.*

Sesuai dengan perbilangan:

*Godang jangan melanda
 Panjang jangan melindih
 Adat yang tak lekang dek panas
 Tak lapuk dek hujan
 Dianjak tak layu
 Dicabut tak mati
 Di mana tanah dipijak
 Akar dilangkah
 Undang luak yang punya.*

Apabila telah selesai pemasyuran diserukan, Dato' Ngiang Kamaruddin b. Ibrahim dipertanggungjawabkan memukul gong atau canang sebagai menandakan rasminya mengikut adat istiadat Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj. Othman sebagai Undang Luak Rembau ke-21.

4.4.3 Merafaq Sembah Kasih

Istiadat merafaq sembah kasih diadakan sebaik sahaja pemasyhuran kerjan disempurnakan. Istiadat menyembah ini mengikut taraf dan kedudukan masing-masing yang diketuai oleh Dato' Perba Yahaya yang diikuti oleh Lembaga

dan buapak lapan kampung serta isteri masing-masing. Jika didapati ada lembaga yang tiada mengadap atau tidak hadir tanpa alasan yang konkrit, ini bermakna dia tidak mengiktiraf atau menjunjung kasih kepada Dato' Undang. Hukuman terhadap kesalahan ini ialah Dato' Lembaga tersebut akan terpecat dari saat itu juga. Istiadat ini diakhiri dengan pembacaan doa selamat dan jamuan makan untuk semua anak buah di luak Rembau.

4.4.4 Menziarahi Danau Sisik Emas

Setiap penyandang pusaka yang baru dilantik wajib menziarahi sebuah danau yang dikenali dengan Danau Sisik Emas yang terletak di Kampung Sawah (Sawar) Raja. Ketika berada di tempat tersebut, diadakan upacara Dato' Undang mandi dan menangkap ikan emas. Dengan takdir Allah, sewaktu istiadat ini dilaksanakan ikan emas ini timbul walaupun telah berada di dalamnya puluhan tahun. Setelah itu doa dibaca memohon kesejahteraan dunia dan akhirat.

4.4.5 Istiadat Menyalang

Istiadat menyalang berlangsung dalam suasana yang agak kompleks dan menjadi satu kelaziman kepada semua penyandang pusaka Undang yang baru dilantik. Ia merupakan suatu perkara menarik yang tidak pernah dibuat oleh mana-

mana perlantikan pemimpin di luar Adat Perpatih. Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip telah melaksanakan istiadat menyalang ke Seri Menanti untuk memperkenalkan diri. Istiadat menyalang ini dilakukan dalam upacara perarakan berjalan kaki merentas Banjaran Titiwangsa menuju ke Kampung Pasir di Seri Menanti.

Perjalanan rombongan ini bermula di telapak kediaman Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip di Kampung Sepri dengan diiringi oleh Orang Besar Undang, Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai, Dato'-dato' Lembaga serta orang ramai. Demi menjaga keselamatan Dato' Undang pasukan tentera dan polis turut mengiringi rombongan tersebut. Pembawa tetawak (gong) telah mendahului rombongan dan tetawak hendaklah sentiasa diketuk sebagai panduan laluan agar tidak tersesat. Ketika hutan masih belum diterokai, pemukul tetawak atau pemandu jalan ini sangat penting bagi menentukan jalan yang hendak dilalui. Barisan selepas pembawa tetawak ialah Dato' Shahbandar yang diikuti oleh Dato' Undang yang diapit oleh Dato' Perba dan Dato' Menteri Lela Perkasa serta diiringi oleh pembesar-pembesar adat yang lain.

Apabila sampai di Kampung Pabai, perkampungan orang asli Miku, Dato' Undang bersama rombongan telah berangguh atau berhenti rehat di balai raya kampung tersebut. Rombongan ini juga telah berhenti di beberapa tempat rehat antaranya Jeram Sendeng dan Jeram Asah Batu untuk melepaskan penat. Dalam perjalanan menuju ke istana terdapat sebuah batu yang terletak di Jeram Asah

Batu yang digunakan sebagai tempat mengasah senjata. Bagi melengkapkan syarat laluannya Dato' Undang telah mengasah sebilah parang di batu tersebut.

Seterusnya rombongan tersebut telah sampai di Bukit Tempurung, Kampung Bukit dan ketibaan Dato' Undang telah disambut oleh Penghulu Kampung Bukit serta dibawa ke rumahnya di Kampung Tobat Gedang sebagai tempat berhenti rehat. Kemudian Dato' Undang diiringi oleh Penghulu menuju ke rumah Telapakan Rembau, Kampung Bukit yang merupakan persinggahan sebenar juga tempat bermalam Dato' Undang serta rombongannya. Mengikut adat, Dato' Undang tidak boleh singgah di rumah lain melainkan terus ke rumah Telapakan Rembau. Jika adat ini tidak dituruti, dipercayai sesuatu yang tidak diinginkan berlaku ke atas diri Dato' Undang.

Mengikut sejarah sewaktu perlantikan Raja Melewar sebagai Yamtuan pada tahun 1773, baginda bermalam di Kampung Bukit dan telah meneruskan perjalanannya menuju ke Seri Menanti. Sebelum berangkat, Raja Melewar telah bersiram di sebuah telaga berhampiran rumah Telapakan Rembau. Namun orang Rembau pada ketika itu tidak meneruskan perjalanan mengikut Raja Melewar ke Seri Menanti tetapi terus menetap di Kampung Bukit. Oleh yang demikian sehingga ke hari ini keturunan tersebut telah dipertanggungjawabkan menyediakan segala alat kebesaran apabila Undang Luak Rembau yang baru datang menyalang ke Seri Menanti.

Sebelum berangkat menuju ke Seri Menanti, Dato' Undang telah mandi di telaga seperti yang telah dilakukan oleh Raja Melewar. Setelah siap, rombongan ini terus menuju ke istana Besar Seri Menanti dengan diiringi paluan rebana sehingga sampai ke pintu Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti. Setelah sampai ke istana Dato' Perba telah menyerahkan tepak sirih untuk diberikan kepada Orang Besar Istana, seterusnya diserahkan pula kepada Yamtuan. Pada masa yang sama ibu soko (perempuan tertua) dari lapan buah kampung yang terdiri dari Biduanda Waris Jakun dan Biduanda Waris Jawa akan membawa empat buah boko wajik dan empat buah boko penganan untuk dipersembahkan kepada Yamtuan.

Selepas itu Dato' Undang didudukkan di Seri Raja di Muda dengan diapit oleh Orang Empat Istana kanan dan kiri, Pegawai Yang Enam, Apit Lempang dan Orang Besar Lingkungan Istana duduk di sebelah kanan dan kiri di hadapan Dato' Undang yang berdekatan dengan singgahsana. Setelah Yang Di Pertuan Besar dan Tuanku Ampuan duduk di singgahsana, Dato' Bentara Dalam berperanan sebagai jurucakap tampil ke hadapan bersila rapat dan menjunjung duli tiga kali dan bangkit berdiri di sebelah singgahsana serta menghala muka kepada Dato' Undang Rembau dengan berkata:

Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj. Othman memanggil akan menyempurnakan istiadat kerjan Undang, maka dampinglah Dato' mengadap menjunjung duli dan menjunjung titah.

Maka Dato' Undang Rembau pun bangun bertelut dan menjunjung duli tiga kali dan terus bergerak menuju singgahsana. Seterusnya Dato' Undang duduk mengangkat tangan mengikut tertib mengadap yang dinamakan 'lalu tujuh kali'. Apabila sampai di hadapan Yang Di Pertuan Besar lalu mengangkat tangan tiga kali seterusnya mencium tangan baginda tiga kali. Selesai mencium tangan, Dato' Undang berundur ke tingkat kelima singgahsana dan mengangkat tangan tiga kali. Di tingkat lima singgahsana Dato' Undang akan menyembah ucapan setia seperti berikut:

Diampun sembah patik dengan berkat daulat memohon patik kepada Allah dan Rasul barang dibukakan Allah pintu kalbu patik dan setia patik menjunjung titah tiada berubah seperti adat pusaka yang telah turun temurun di dalam alam Duli Yang Maha Mulia pada Luak Rembau dengan seberapa mampu akan taat patik berbuat adil dan menjalankan sebarang pekerjaan dengan bermesyuarat serta Lembaga bagi yang berlaku kepada kebajikan keamanan luak negeri ini, ampun sembah.

Setelah sempurna segalanya, Dato' Undang terus berundur mengambil tempatnya di hadapan jemputan-jemputan khas yang terdiri daripada Pegawai Pegawai Kanan Kerajaan dan jemputan khas. Istiadat menyalang ini disempurnakan dengan pembacaan doa oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

4.5 Alat-alat Kebesaran

Setiap luak atau daerah yang dipimpin oleh Undang mempunyai alat-alat kebesaran Undang yang tersendiri. Begitu juga dengan daerah Rembau.

Antara alat kebesaran Undang termasuklah keris, lembing, tombak, sundang, payung kebesaran dan gong atau canang. Terdapat sebuah balai bertingkat yang didirikan di sisi rumah yang telah dihiasi dengan lelangit berwarna kuning sebagai lambang kebesaran Undang Luak Rembau.

Bagi menentukan dan menyempurnakan istiadat kerja berjalan dengan lancar dan penuh beradat, telah diadakan majlis menurunkan kerja adat oleh Dato' Undang kepada Dato' Perba selaku ketua adat di Luak Rembau. Majlis ini telah disempurnakan pada sebelah malam sebelum hari kerja diadakan dan selepas semua alat kebesaran ditepung tawar oleh Pawang Undang.

4.6 Riwayat Hidup Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj. Othman serta Aktiviti Sosial dan Politik

Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj. Othman, Undang Luak Rembau ke-21 telah diputerakan pada 14 Ogos 1941 di Kampung Waris Tebat, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak ketiga daripada empat orang adik beradik dan merupakan anak lelaki tunggal dari perkongsian hidup Pn. Terinah bt. Maarof dan Hj. Othman b. Ibrahim. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Siti Ramlah Hj. Yunus pada 9 Jun 1962 dan dikurniakan lima orang putera, tiga orang daripadanya telahpun mendirikan rumahtangga serta

dikurniakan empat orang cucu. Manakala puteranya yang bongsu masih di alam persekolahan.

Hj. Muhamad Sharip mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sepri, Rembau dari tahun 1949 hingga 1951. Kemudian pada tahun 1955, beliau meneruskan pelajarannya di Undang Rembau Primary School sehingga ke tingkatan empat. Pada tahun 1958 beliau telah menyambung pelajarannya di Goon Institution, Kuala Lumpur.

Setelah tamat persekolahan, Hj. Muhamad Sharip telah memulakan kerjayanya sebagai Juruteknik di Jabatan Kerja Raya mulai 1 Disember 1960. Antara tempat yang beliau pernah bertugas ialah Kuala Kubu Baharu, Rawang, Kuala Selangor, Seremban dan Rembau. Pada tahun 1981, beliau telah menukar kerjaya ke Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan sehingga bersara. Selepas bersara, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Projek Syarikat Seleksi (M) Sdn.Bhd, Fajar Baru (Rembau) Sdn. Bhd, Panaromic Sdn. Bhd, D.J Water Sdn. Bhd dan Syarikat Qalam Dinar.

Selain dari memegang jawatan dalam beberapa syarikat, Dato' Undang juga merupakan seorang yang berkebolehan dan aktif dalam kegiatan politik dan sosial di Negeri Sembilan khususnya bagi daerah Rembau. Segala tugas yang telah diamanahkan kepada beliau dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Beliau telah memegang beberapa jawatan termasuklah:

- i) Ketua Pemuda UMNO Cawangan Sepri.
- ii) Timbalan Ketua UMNO Cawangan Sepri.
- iii) Setiausaha UMNO Cawangan Sepri.
- iv) Perwakilan UMNO ke Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Seremban / Telok Kemang.
- v) Penceramah tetap pilihanraya Dewan Undangan Negeri kawasan Terentang / Chembong.
- vi) Ahli Jawatankuasa Peti Undi Sepri.
- vii) Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Kg. Sepri.
- viii) Pengerusi Belia 4B Sepri.
- ix) Naib Pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Sepri.
- x) Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pembangunan Daerah Rembau .
- xi) Ahli Jawatankuasa Desa Wawasan Kg. Sepri.
- xii) Ahli Jawatankuasa Homestay Kg. Sepri.
- xiii) Ahli Jawatankuasa Permuafakatan Sekolah Bestari, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' S edia Raja, Rembau.
- xiv) Naib Yang Dipertua PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sedia Raja, Rembau.
- xv) Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Ulu Sepri.
- xvi) Setiausaha Masjid Ulu Sepri.
- xvii) Timbalan Yang DiPertua Khairat Kematian Kg. Sepri.
- xviii) Setiausaha Tanah Pinggir Sungai Beringin Pedas. (RISDA)
- xix) Ahli Jawatankuasa Malayan Technical Service Union.
- xx) Presiden Persatuan Kerja Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan.

Antara kursus yang pernah beliau hadiri ialah:

- i) Kursus di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di Kluang, Johor, dan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.
- ii) Bina Semangat di Port Dickson.
- iii) Kursus Kem Mahmud, Kelantan.
- iv) Kursus di Pusat Daya Pengeluaran Negara.

Pada 21 November 1998 beliau telah diisytiharkan sebagai Undang Luak Rembau ke-21 dengan gelaran Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip menggantikan Dato' Sedia Raja Dato' Hj. Adnan b. Haji Maah, Undang Luak

Rembau ke-20 yang telah kembali ke rahmatullah setelah menyandang pusaka Undang Rembau selama 35 tahun, dari tahun 1963 sehingga 8 September 1998.

Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip Hj. Othman telah dianugerahkan dengan bintang kebesaran Darjah Tertinggi Negeri Sembilan (D.T.N.S), Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T), Ahli Negeri Sembilan (A.N.S), Pingat Masyarakat Cemerlang (P.M.C), Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dan Pingat Khidmat Lama (P.K.L).

Walaupun Dato' Undang sentiasa sibuk dengan urusan dalam pentadbiran luak namun beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap aktiviti sosial dan politik masyarakat daerah Rembau dan Negeri Sembilan amnya. Ternyata pemilihan beliau adalah tepat untuk menerajui pimpinan masyarakat di daerah Rembau.

BIBLIOGRAFI

BUKU

Abas Hj. Ali. *Rembau Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya, Rembau: Jabatan Undang Dan Perlembagaan Adat Dan Istiadat Melayu*, 1953.

Abdul Rahman Hj. Mohammad. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

Abd. Samad Idris. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, hlm 164, 1968.

_____. *Hubungan Minangkabau dan Negeri Sembilan dari Segi Kebudayaan dan Sejarah*. Seremban: Pustaka Asas, 1970.

_____. *Payung Berkembang*. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1990.

Abd. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, et al. *N. Sembilan, Gemuk DiPupuk, Segar Bersiram Adat Merentas Zaman*, Selangor: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya N.Sembilan : Malindo Printers, 1994.

Buyong Hj. Adil. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

Ismail Hamid. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Kamus Dewan, Edisi 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Muhammad Arif Ahmad. *Bicara Tentang Adat dan Tradisi*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, 1993.

Mohamed Din Ali. *Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu*. Kuala Lumpur: The Economic Printers Ltd, 1957.

Mohtar Md. Dom. *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publication, 1977.

Nasroen, M. *Dasar Falsafah Adat Minangkabau*. Jakarta. C.V. Penerbit Pasaman, 1957.

Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, 1976.

Norhalim Hj. Ibrahim. *N. Sembilan, Gemuk DiPupuk, Segar Bersiram, Luak Johol*. N.Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, 1994.

_____. *N. Sembilan, Gemuk DiPupuk, Segar Bersiram, Luak Johol*. N.Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, 1994.

_____. *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pusaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1995.

_____. *Negeri Yang Sembilan*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1995.

_____. *N. Sembilan, Gemuk DiPupuk, Segar Bersiram, Luak Jelebu*. N. Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, 1996.

Rahim Syam, Norhale. *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985.

Sidin H.M. *Asal Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1964.

Tun Seri Lanang,. Shellabear W.G (Ed). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1978.

Tsuyoshi Kato (terj. Azizah Kasim). *Nasab Ibu dan Merantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

W. Abdul Kadir. *Masyarakat dan Budaya Melayu Peraturan Sosial*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1992.

Wan Abdul Kadir Yusof, Abdul Rahman Kaeh. *Adat Istiadat Kerjan Undang Johol ke XI*. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976.

Zainal Abidin Borhan, Norazit Selat, et al. *Adat Istiadat Melayu Melaka*. Kuala Lumpur : Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia dan Percetakan Season Sdn. Bhd, 1996.

JURNAL

Ibrahim Mustapa. "*Sejarah Ringkas dan Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan*". Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Caw. Negeri Sembilan, Keluaran 6, hlm 21-30, 1981.

Norhalim Ibrahim. "*Sistem Masyarakat Negeri Sembilan*". Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Caw. Negeri Sembilan, 1988/99.

Par, C.W.G and Mackarray W. "*Rembau: Its History: Constitution and Customs*". JMBRAS, vol. vvi. Part 3, 1910.

Norzali HJ. Ibrahim. *Undang Luak Rembau Ke-21, Adat Dan Istiadat Perlantikan*, Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia Caw. Negeri Sembilan, Keluaran 22, hlm 8-27, 1999.

KERTAS KERJA SEMINAR

Abd. Samad Idris. "*Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya*", Seminar Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang: UPM, 1984.

_____. "*Kemurnian Dalam Adat Perpatih*", Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran MBNS, UKM, 10-12 April, 1974.

- Hashim Abdul Ghani. "*Kata Perbilangan Dan Tafsirannya*", Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran MBNS, UKM, 10-12 April, hlm 1, 974.
- H.M Dahlan. "*Sistem Ide dan Masyarakat Adat*", Seminar Kebangsaan Adat dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang, UPM, 1984.
- Idris Tain. "*Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih*", Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih Negeri Sembilan, Anjuran MBNS, 1974.
- Norhalim Hj. Ibrahim. "*Sistem Sosial Adat Perpatih*", Seminar Warisan Adat Perpatih, Anjuran Persatuan Mahasiswa Negeri Sembilan, UKM, 11 Sept, 1992.
- Rais Yatim. *Undang-Undang Adat Perpatih : Common Law and Equity. Satu Analisa Perbandingan*. Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran MBNS, UKM, 10-12 April, hlm 4, 1974.

SENARAI INFORMAN

Selain dari maklumat kepustakaan, hasil dapatan kajian ini diperolehi berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap informan berikut:



Nama : Norzali b. Hj. Ibrahim
Umur : 48 Tahun
Pekerjaan : Guru
(Bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sedia Raja, Rembau)
Suku : Tanah Datar
Pendidikan: Bacelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Nama : Yahaya b. Abd Ghani
Umur : 58 tahun
Suku : Biduanda Waris Dua Carak
Jawatan : Dato' Lembaga Suku Biduanda Waris Dua Carak (Jakun/Jawa)

COP MOHOR UNDANG LUAK REMBAU KE - 21



SALASILAH INSTITUSI PENGHULU/UNDANG LUAK REMBAU




- Nota: 1. Penghulu/Undang Rembau pertama bergelar Datuk Lela Maharaja
2. Penghulu/Undang Rembau kedua bergelar Datuk Sedia Raja

**SENARAI PENGHULU / UNDANG LUAK REMBAU
DAN TEMPOH PIMPINAN**

NAMA	WARIS	KAMPUNG MEMERINTAH	TAHUN
1. Si Rama (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1540-1555
2. Ambo @Amba(Sedia Raja)	Jawa	Tanjung	1555-1605
3. Lenggang@Fenggang (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1605-1620
4. Pandak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1620-1645
5. Uban@ Putih Kepala (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1654-1660
6. Sagah (Sedia Raja)	Jawa	-	1660-1690
7. Kurap (Sedia Raja)	Jawa	-	1690-1725
8. Sabat@ Sobok (Sedia Raja)	Jawa	-	1725-1750
9.Lulinsoh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1750-1790
10. Pekak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1790-1795
11. Kosil @ Kesir (Lela Maharaja)	Jakun	Tebat	1795-1812
12. Bogok@ Bahago (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1812-1819
13. Ngonit @Nganit@ Reneh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1819-1843
14. Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843-1872


14. Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843-1872
15. Hj. Sahil (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1872-1883
16. Serun b. Sidin (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1883-1905
17. Hj. Sulong b. Meah	Jakun	Gadong	1905-1922
18. Abdullah b. Hj. Dahan (Sedia Raja)	Jawa	tanjung	1922-1938
19. Hj. Ipap b. Abdullah (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1938-1962
20. Hj. Adnan b. Hj. Maah (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1962-1998
21. Hj. Muhamad Sharip b. Othman (Lela Maharaja)	Jakun	Tebat	1998-

DATO' UNDANG LUAK REMBAU KE-21




Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Othman, Undang Luak Rembau
Ke-21

GAMBAR ADAT ISTIADAT KERJAN UNDANG LUAK REMBAU KE-21



Balai adat khas bagi menyempurnakan istiadat kerjan



Alat kebesaran Undang Luak Rembau



Majlis menurunkan kerja istiadat kerjan



Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Hj. Othman, Undang Luak
Rembau Ke-21 pada hari adat istiadat kerjan



Dato' Senara Di Raja Hj. Ismail b. Hj. Yasin membacakan pemsyukuran
kerjan Dato' Lela Maharaja Hj. Muhamad Sharip b. Othman



Dato' Undang menyampaikan sabda selepas istiadat kerjan



Majlis Merafaq Sembah Kasih



Ahli rombongan merentasi Banjaran Angsi dalam
Istiadat Menyalang




Dato' Undang Luak Rembau berangguh
di Kg. Pabai, Miku, Rembau



Dato' Undang Luak Rembau di Jeram Sendeng




Rumah Telapakan Rembau di Kg. Pasir




Telaga dipercayai digunakan oleh Raja Melewar untuk mandi
sebelum berangkat ke Seri Menanti



Dato' Undang menuju ke Balai Rong Seri,
Istana Besar Seri Menanti



Antara hantaran yang dipersembahkan kepada
Yang Dipertuan Besar



Dato' Undang Luak Rembau ketika melakukan istiadat menyalang
Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan